

# Garis Panduan

LORI MENGANGKUT BABI



Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang

2016

# Kandungan

03

Prakata

*Oleh Pengarah Perkhidmatan Veterinar  
Negeri Pulau Pinang*

04

Pengenalan

*4 Persoalan tentang lori mengangkut babi*

06

Penilaian Lori (Spesifikasi)

*5 Spesifikasi untuk lori mengangkut babi*

11

Penutup

*Ringkasan Keseluruhan Projek*

# Prakata



Assalamualaikum w.b.t

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kumpulan VISA di atas inisiatif menyediakan garis panduan lori mengangkut babi. Dengan adanya panduan yang standard ini, ia dapat memudahkan pemilik lori babi mengubah suai lori babi yang sedia ada kepada yang lebih efektif untuk mengelakkan percikan sisa buangan keluar mengotori persekitaran. Standard yang ada ini dapat digunakan dalam jangka masa yang panjang dan memberi faedah kepada pemilik-pemilik lori di seluruh Malaysia untuk menjadikannya sebagai rujukan.

Garis panduan ini bukan sahaja menjadi rujukan kepada pemilik lori malah ia juga boleh dijadikan rujukan oleh agensi lain mengikut bidang kuasa masing-masing dalam pelaksanaan aktiviti penguatkuasan kenderaan di Jalan Raya.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Siti Salmiyah Binti Tahir'. The signature is fluid and cursive.

.....  
**Dr. Siti Salmiyah Binti Tahir**

Pengarah Perkhidmatan Veterinar  
Negeri Pulau Pinang

# Pengenalan

Sejak sekian lama, isu pencemaran daripada pelbagai sumber sisa buangan seperti pada pencemaran sungai, laut, alam sekitar, industri penternakan dan lain-lain sering menjadi masalah yang serius dan perlu diberi perhatian segera untuk diselesaikan.

Pencemaran daripada lori mengangkut babi di atas jalanraya untuk pelbagai tujuan seperti untuk tujuan sembelihan, pembakaan, hobi atau jualan babi hidup menjadi isu utama kepada masyarakat umum.

Pemindahan babi berlaku setiap hari dimana-mana lokasi perjalanan dalam negara bagi memenuhi permintaan makanan setiap hari bagi daging dari seluruh pelusuk negara.

Persoalan yang timbul apabila aktiviti pemindahan babi giat berlaku di jalanraya:-

1. Adakah babi yang dibawa di atas lori itu mengganggu sensitiviti orang awam?
2. Adakah lori yang mengangkut spesis tersebut mengganggu pengguna jalan raya?
3. Adakah tiada percikan yang dikeluarkan dari lori angkut babi itu terkena pengguna jalan raya?
4. Bagaimana pula dengan baunya?

## Persoalan 1

Adakah babi yang dibawa di atas lori itu mengganggu sensitiviti orang awam?

## Persoalan 2

Adakah lori yang mengangkut spesis tersebut mengganggu pengguna jalan raya?



Perkara tersebut menjadi punca utama pengaduan awam dan sehingga sekarang tiada garis panduan lengkap yang untuk mengatasi masalah berkenaan.

Bagi menangani isu ini, Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) VISA telah mengambil inisiatif pada tahun 2016 untuk menetapkan spesifikasi lori babi yang lengkap dan efektif memandangkan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) juga tidak mempunyai peraturan dan spesifikasi khusus untuk tujuan berkenaan.

Dengan mengambil pandangan dari pelbagai pihak (JPJ dan Pihak berkuasa Tempatan) ditambah dengan daya usaha serta idea teknikal ahli KIK di pelbagai jawatan dan bidang, maka diharapkan garis panduan ini dapat dijadikan panduan asas bagi faedah kita bersama.

### Persoalan 3

Adakah tiada percikan yang dikeluarkan dari lori angkut babi itu terkena pengguna jalan raya?

### Persoalan 4

Bagaimana pula dengan baunya?

## 1.0 Penilaian Lori

- 1.1 Pemeriksaan lori di JPJ untuk penentuan jenis lori berdasarkan dua jenis rekabentuk iaitu Lori Rigid Kargo Am dan Lori Rigid Kandang Haiwan.
- 1.2 Kapasiti lori yang digunakan adalah lori bermuatan 1 tan, 2 tan dan 5 tan.

## 2.0 Spesifikasi (1) – Dinding Lori

- 2.1 Dinding lori mestilah berpagar yang dibuat daripada jenis berkayu rapat atau stainless steel.
- 2.2 Penggunaan bahan jenis stainless steel lebih digalakkan kerana memudahkan proses pencucian dan pengeringan segera.
- 2.3 Dinding setinggi dua (2) meter bagi lori besar yang melebihi muatan 3 tan.
- 2.4 Dinding setinggi 1.5 meter bagi lori kecil bermuatan 1 tan dan 2 tan.

## 3.0 Spesifikasi (2)- Lantai Lori

- 3.1 Lantai lori mestilah berlapiskan stainless steel sepenuhnya di bahagian lantai dan lapisan keliling setinggi 2.5 inci untuk mengelakkan najis/sisa melimpah keluar melalui pintu lori.
- 3.2 Atau, direka lantai condong dari hujung lori masuk ke dalam lori.



**Gambar 1: Dinding Lori**



**Gambar 2: Lantai Lori**

#### **4.0 Spesifikasi (3)- Tangki Najis**

- 4.1 Setiap lori mesti memasang tangki takungan najis di bahagian bawah lantai lori untuk mengelakkan najis serta kotoran melimpah keluar ke jalan raya semasa pengangkutan babi.
- 4.2 Perlu ada stopper untuk memudahkan pengeluaran sisa buangan di destinasi ketibaan dan mencuci tangki berkenaan.

#### **5.0 Spesifikasi (4)- Longkang**

- 5.1 Menyediakan longkang disekeliling dinding lori.
- 5.2 Setiap penjuru dipasang outlet untuk mengalirkan najis ke dalam tangki takungan najis. Sekiranya mewujudkan 1 outlet pun sudah memadai untuk mengelakkan najis bertakung di atas lori dan menambahkan kotoran pada ternakan babi.


#### **6.0 Spesifikasi (5)- Penutup lori**

- 6.1 Setiap lori mestilah ditutup menggunakan bahan yang bersesuaian seperti jaring/ plastik penutup lori atau kanvas untuk mengelakkan najis terpercik keluar dari lori dan babi tidak dapat dilihat secara langsung oleh orang awam.
- 6.2 Secara tidak langsung dapat mengurangkan cuaca panas dan hujan yang mana kebajikan haiwan akan terpelihara semasa pengangkutan.





Gambar 3: Tangki Najis



Gambar 4: Longkang



Gambar 5: Penutup Leri



# **Penutup**

## **Tajuk Projek**

Pengurusan Pemindahan Babi Tidak Efisien

## **Ringkasan Projek**

Ketidakselesaian orang awam, risiko kesihatan awam dan risiko jangkitan penyakit pada pelbagai spesis ternakan haiwan adalah 3 faktor yang berkaitan dengan sisa buangan/percikan dari lori mengangkut babi di atas jalan raya. Tiada standard atau garis panduan yang tetap menyebabkan kebanyakan lori babi mencemarkan jalan raya dan persekitaran. Sikap sambil lewa pemilik lori dan tiada penguatkuasaan yang agresif dari agensi kerajaan menjadikan perkara ini makin serius dan perlu diatasi segera.

## **Nama Jabatan :**

**Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang**

Nama Kumpulan : VISA

Fasilitator : AHMAD ZAKI BIN OMAR ZUHDI

Ketua Kumpulan : DR NABILAH BINTI ABD TALIB

Ahli-ahli Kumpulan :

MUHD RIZAL BIN ZAINAL

LOGANATHAN A/L ARMOM

DR NOR AZHANI BINTI KAMARUDIN

NURUL AINA BINTI ABDULLAH

AHMAD SYAFIQ SYUWARI BIN SUBRE

RUSYDI ABDUL HAFIZ BIN ROZAINI

NOORHARIZAH AZFAR BINTI ALI BAHRUN

# KUMPULAN KIK VISA 2016

SYAFIQ



AINA



LOGA



AZZA



ZAKI



NABILAH



RIZAL



HARIZAH



RUSYDI

